



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

JPM.MITRA.100-9/1/1 (16)

**KENYATAAN MEDIA
PEMBUKAAN PERMOHONAN *MALAYSIAN INDIAN COMMUNITY
ENTREPRENEURSHIP PROGRAMME (MICEP) 2024/25*
DIBUKA MULAI 12 DISEMBER 2024**

PUTRAJAYA, 12 DISEMBER 2024 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) membuka permohonan *Malaysian Indian Community Entrepreneurship Programme (MICEP)* bagi tahun 2024/25. Program ini bertujuan memberikan pengetahuan, kemahiran serta dana untuk memulakan atau membangunkan perniagaan masyarakat Malaysia India.

Program ini akan dikendalikan dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan dilihat sebagai berpotensi melahirkan lebih ramai usahawan Malaysia India yang kompetitif dan mampu berdaya saing dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar.

Permohonan adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. peserta Malaysia India berumur 18 tahun ke atas;
- ii. terbuka kepada B40 & M40 (keutamaan kepada B40);
- iii. keutamaan kepada pemohon yang tidak pernah menerima sebarang bantuan perniagaan kerajaan; dan
- iv. mempunyai perniagaan atau idea perniagaan (**kecuali sektor pertanian**).

Permohonan *Malaysian Indian Community Entrepreneurship Programme* (MICEP) Tahun 2024/25 boleh dibuat melalui pautan <https://forms.gle/1hac78wSfRc8RTMj6>. Permohonan akan dibuka pada **12 Disember 2024 (Khamis) hingga 12 Januari 2025 (Ahad)**. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui *Google Form* selewat-lewatnya mengikut ketetapan tempoh masa seperti diatas. Seramai 600 calon yang memenuhi syarat kelayakan akan dimaklumkan untuk menyertai program ini.

Program ini akan dibahagikan kepada dua tahap:

- i. **600 peserta** terpilih akan menghadiri **Bengkel Kanvas Model Perniagaan** selama satu (1) hari; dan
- ii. **450 peserta** daripada 600 peserta yang layak akan menghadiri **Kursus Asas Keusahawanan (KAK) dan Kursus Asas Pembangunan Produk dan Servis (KAPPS)** selama tiga (3) hari dan akan mendapat geran pembangunan perniagaan MITRA (**MITRA Varthaga Valerchi Nithi**) sehingga **RM20,000.00** bergantung pada permohonan.

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan Program *Malaysian Indian Community Entrepreneurship Programme (MICEP)* Tahun 2024/25 boleh menghubungi MITRA di talian 03-88866196/ 03-88866197 bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada sek@mitra.gov.my.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
12 DISEMBER 2024**